

24/03/1999

Taktik cetak rompak didedah

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Selasa - Sindiket cetak rompak dipercayai membawa masuk mesin pengeluar cakera padat dalam bentuk komponen berasingan untuk melepasi pemeriksaan pihak berkuasa.

Pengerusi Barisan Banteras Cetak Rompak (BBCR), Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata peralatan itu diimport dalam komponen komputer sebelum dipasang di negara ini untuk kegunaan mencetak rompak.

Menurutnya, kegiatan itu menyukarkan kastam mengenal pasti mesin berkenaan untuk dirampas.

"Berdasarkan maklumat, mesin yang digunakan untuk kegiatan cetak rompak itu diimport dalam bentuk komponen untuk mengelirukan pihak berkuasa," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan pihak berkuasa mengawal import mesin pengeluar cakera padat untuk menangani kegiatan cetak rompak.

"Sudah sampai masanya Perdana Menteri campur tangan dalam mengatasi jenayah ini bagi memelihara perkembangan industri hiburan tanah air, perisian komputer dan pembangunan MSC," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini BBCR hampir kecewa dalam usaha menangani jenayah cetak rompak dan sejak dulu lagi pihaknya sudah mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya mengambil tindakan yang lebih drastik.

Menurutnya, BBCR mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas yang turut dianggotai kedua-dua kementerian itu bagi menyelaraskan tindakan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah cetak rompak.

Selain itu menurutnya, hukuman denda berhubung kesalahan itu masih tidak memadai.

"BBCR sudah mencadangkan supaya meminda undang-undang hak cipta harta intelek dengan mengenakan hukuman lebih berat, iaitu denda minimum RM10,000 ke atas setiap satu salinan langgaran dan tiga bulan penjara mandatori.

"Ini bermakna setiap cakera padat yang mengandungi sepuluh lagu akan dikenakan denda minimum RM100,000 dan penjara mandatori berbanding denda kurang RM1,000 untuk rampasan beribu-ribu kaset dan cakera padat yang dikenakan sekarang.

"Penjenayah cetak rompak mempunyai tabung khas yang mampu membayar denda yang kecil," katanya.

Selain itu, BBCR mendesak supaya kilang pengeluar cakera padat yang beroperasi tanpa lesen disita serta merta.

Beliau berkata, kilang berlesen juga perlu diawasi kerana mungkin menjalankan kegiatan cetak rompak, di samping mencetak cakera padat tulen.

"Kedai kaset dan cakera padat yang pernah didenda pula perlu dikenakan amaran keras dan jika diulangi, ia harus ditutup," katanya.

(END)